

Syarikat AS bantu UPM

SERDANG 29 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) yang sudah berjaya menghasilkan pelbagai produk inovatif menerusi penyelidikan para penyelidikannya, melangkah setapak lagi ke hadapan.

Kali ini, universiti itu bekerjasama dengan pakar pengkomersialan dari Amerika Syarikat (AS), SRI International (SRII) untuk mengkomersialkan penyelidikan dan inovasi penyelidik UPM di peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, SRII akan menilai dan mempercepatkan proses pengkomersialan sebelum membantu mencari syarikat yang akan memasarkan produk terlibat.

“Proses ini akan memilih 25 projek berpotensi untuk menjalani latihan pengkomersialan seperti menyediakan pelan perniagaan dan menjadikan produk lebih menarik.

“Pada peringkat akhir, SRII akan memilih tiga produk sahaja untuk dikomersialkan dan dibawa ke California untuk penilaian seterusnya yang lebih teliti dan mencari rakan pengkomersialan,” katanya.

Nik Mustapha berkata, demikian pada majlis menandatangani perjanjian (MoA) dengan SRII di sini baru-baru ini. Beliau mewakili UPM manakala SRII diwakili Presidennya, Dr. Curtis R. Carlson.

Beliau berharap sekurang-kurangnya satu daripada tiga produk UPM boleh dikomersialkan di peringkat global menerusi kerjasama tersebut.

“UPM merupakan institusi pertama di Malaysia yang menggunakan kepakaran SRII. Walaupun proses penilaian SRI amat ketat, namun mereka berpengalaman memadankan produk UPM dengan modal teroka antarabangsa,” katanya.

Tetikus komputer ialah satu contoh kejayaan penyelidikan yang telah dikomersialkan oleh SRII.

Syarikat yang berpangkalan di California itu telah mengkomersialkan 55,000 inovasi penyelidikan antarabangsa dalam tempoh 60 tahun lalu.

~~30/5/09~~

Utusan